

*Jurnal PPM Vol. 6, 2012*

**PROGRAM PEMBUDAYAAN LITERASI DAN TEKNOLOGI  
MAKLUMAT : PERSATUAN PUSTAKAWAN MALAYSIA 2011/2012**

**Hashimah Mohd Yussof, Kamal Sujak, Mohammad Fazli Baharuddin,  
Ahmad Nadzri Mohamad, Syazwan Fikri Badrol Hisham, Zahari Mohd  
Amin, Shaharom Nizam Mohamed dan Mohd Sharif Mohd Saad**

Persatuan Pustakawan Malaysia  
P.O. Box 12545  
50782 Kuala Lumpur  
pustakawan55@gmail.com

**ABSTRAK**

*Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT), Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS), Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Melaka (PERPUSTAM) dan Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Selangor disokong oleh Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA (UiTM) melalui sumbangan dana dari Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia, Permodalan Nasional Malaysia serta Telekom Malaysia (TM) telah melaksanakan Program Pembudayaan Literasi dan Teknologi Maklumat sepanjang tahun 2011 dan 2012. Modul pembelajaran yang diguna pakai bagi program ini meliputi lima aspek dan pendekatan modul pembelajaran ini memberi penekanan kepada pendidikan untuk membina kemahiran literasi maklumat di kalangan pelajar bagi melengkapkan diri mereka dengan ilmu pengetahuan untuk mengenalpasti keperluan, mencari, menilai dan menggunakan maklumat yang autoritatif dan berguna sepanjang proses pembelajaran.*

**ABSTRACT**

*The Librarians Association of Malaysia in cooperation with Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT), Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS), Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Melaka (PERPUSTAM) and Kuala Selangor District Education Office with support from the Faculty of Information Management, Universiti Teknologi MARA (UiTM) through funds from the Malaysian Ministry of Information, Communication and Culture, Permodalan Nasional Malaysia and Telekom Malaysia (TM) organised the Culturalisation of Information Literacy and Technology Programme throughout 2011 dan 2012. The programme used a learning module that covers five aspects which focused on developing information literacy among students to equip them with the knowledge for recognising the need, searching, evaluating and using authoritative and useful information throughout their learning process.*

### ***Program Pembudayaan Literasi dan Teknologi Maklumat***

**Keywords:** Information literacy; Computer literacy; Information technology; User education; Library associations

#### **PENGENALAN**

Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT), Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS), dan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Melaka (PERPUSTAM), Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Selangor disokong oleh Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA (UiTM) melalui sumbangan dana dari Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia, Permodalan Nasional Malaysia serta Telekom Malaysia (TM) telah melaksanakan Program Pembudayaan Literasi dan Teknologi Maklumat sepanjang tahun 2011 dan 2012. PPM sentiasa memainkan peranan penting untuk memberi pengetahuan dan pendidikan kepada pelbagai lapisan masyarakat dalam pencapaian dan penggunaan maklumat melalui program literasi maklumat dan komputer. Program Pembudayaan Literasi dan Teknologi Maklumat merupakan salah satu program yang dirancang untuk dilaksanakan di empat negeri iaitu Terengganu, Negeri Sembilan Melaka dan Selangor dengan harapan usaha kerajaan untuk melahirkan masyarakat berilmu dan modal insan kelas pertama tercapai. Asas pertimbangan bagi pelaksanaan program ini adalah:

1. Pelajar-pelajar perlu diberi pendedahan seawal mungkin mengenai pencapaian kepada maklumat berkaitan pembelajaran yang boleh dicapai sama ada melalui perkhidmatan perpustakaan atau secara atas talian.
2. Ledakan dan perkembangan teknologi maklumat yang pesat telah membolehkan banyak maklumat dicapai dengan mudah melalui Internet. Justeru, kemahiran untuk menilai dan memilih maklumat yang sahih dan tepat harus diberikan kepada pelajar
3. Ilmu ICT merupakan teras utama dalam pembangunan modal insan masa kini dan penting untuk dipelajari serta dikuasai oleh generasi muda terutamanya golongan pelajar.

Program Literasi Maklumat menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berhubung kait dengan pembacaan dan IT supaya semua golongan masyarakat sedar tentang kepentingan ilmu dan maklumat. Prasarana ICT ini berperanan memupuk minat cintakan ilmu disamping memberi pendedahan kepada kemahiran pencarian maklumat.

*Hashimah Mohd Yussof, Kamal Sujak, Mohammad Fazli Baharuddin,  
Ahmad Nadzri Mohamad, Syazwan Fikri Badrol Hisham, Zahari Mohd Amin,  
Shaharom Nizam Mohamed dan Mohd Sharif Mohd Saad*

#### **KAEDAH PERLAKSANAAN**

Pendekatan modul pembelajaran ini memberi penekanan kepada pendidikan untuk membina kemahiran literasi maklumat di kalangan pelajar bagi melengkapkan diri mereka dengan ilmu pengetahuan untuk menilai maklumat yang autoritatif dan berguna di sepanjang proses pembelajaran sehingga menuju ke peringkat pengajaran yang lebih tinggi. Modul pembelajaran yang diguna pakai bagi program ini meliputi lima aspek iaitu:

- a. Pengenalan Kepada Pelbagai Sumber Rujukan Asas
- b. Pencarian Maklumat Melalui Sistem Katalog Atas Talian  
(*Online Public Access Catalog*)
- c. Pencarian Maklumat Melalui Internet
- d. Pangkalan Data di Internet: Dalam dan Luar Negara
- e. Etika Penggunaan Maklumat

#### **PESERTA, FASILITATOR DAN PROGRAM**

Program Pembudayaan Literasi dan Teknologi Maklumat yang dianjurkan oleh PPM disertai oleh para pelajar sekolah menengah tingkatan dua hingga tingkatan empat. Pemilihan peserta adalah hasil daripada kerjasama perpustakaan negeri, PPM dan juga sekolah-sekolah yang terlibat. Di dalam menjayakan program ini, enam fasilitator telah terlibat secara langsung iaitu Encik Ahmad Nadzri Mohamad, Encik Mohammad Fazli Baharuddin, Encik Zahari Mohd Amin dan Encik Ap-Azli Bunawan dari Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM serta Encik Syazwan Fikri Badrol Hisham dari *Petroleum Resource Center* Petronas dan Encik Shaharom Nizam Mohamed dari Universiti Multimedia.

Sebanyak empat program telah dijalankan di beberapa negeri:

1. Dari 15 sehingga 17 November 2011, program telah dijalankan di Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan. Seramai 37 orang pelajar dari Sekolah Menengah Dato' Abdul Razak, Seremban telah menyertai program yang dipimpin oleh empat orang fasilitator. Majlis telah dirasmikan oleh YBhg Senator Dato' Najeeb Abdullah dan turut dihadiri oleh Puan Chumila Katis, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan dan Prof. Madya Dr. Mohd. Sharif Mohd. Saad, Yang Dipertua PPM.
2. Program kedua telah diadakan dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka dari 17 hingga 19 Februari 2012. Seramai 35 orang pelajar dari Sekolah Menengah (A) Sharifah Rodziah, Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi St David, Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Melaka, Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Perempuan Melaka, Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Muzaffar Shah dan Sekolah Menengah Kebangsaan Infant Jesus Convent. Program telah diadakan di

### ***Program Pembudayaan Literasi dan Teknologi Maklumat***

Pusat Sumber UiTM Kampus Bandaraya Melaka. Majlis perasmian dan penutup telah dilaksanakan oleh YBhg. Datuk Gan Tian Loo, Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Belia dan Sukan Negeri dan turut dihadiri oleh Pengerusi PERPUSTAM, YB. Datuk Ab Wahab bin Ab Latip, Yang Dipertua PPM, Prof. Madya Dr. Mohd Sharif Mohd Saad, Rektor UiTM Melaka, Prof. Madya Datuk Dr. Mizan bin Hitam serta Pengarah PERPUSTAM, Mohamed Aizammuddy bin Mohamed Idris.

3. Dari 7 hingga 9 April 2012, program ini telah diadakan di Perbadanan Awam Terengganu yang telah dihadiri oleh 40 orang pelajar sekolah. Majlis telah dirasmikan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) merangkap Timbalan Pengerusi Lembaga Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu iaitu YBhg. Dato' Wan Ahmad Wan Muda dan Naib Yang Dipertua I, Puan Maimunah Kadir telah mewakili PPM.
4. Tanjung Karang telah dipilih sebagai lokasi bagi program keempat dari 3 hingga 5 November 2012. Program yang dianjurkan oleh Pejabat Pelajaran Daerah Kuala Selangor telah diadakan di Makmal Komputer Sekolah Rendah Dato Manan. Seramai 28 peserta dari lima buah sekolah iaitu Sekolah Menengah Dato Harun, Sekolah Menengah Seri Desa, Sekolah Menengah Seri Tiram Jaya, Sekolah Agama Tanjung Karang dan Sekolah Dato Manan telah menyertai program ini. Majlis penutup telah dihadiri oleh Yang Dipertua PPM, Prof. Madya Dr. Mohd. Sharif Mohd. Saad dan Pegawai dari Pejabat Daerah Kuala Selangor, Encik Mokhidin Maskury.

### **RUMUSAN**

Pelaksanaan Program Pembudayaan Literasi dan Teknologi Maklumat adalah merupakan platform yang boleh digunapakai untuk menambahkan pengetahuan para pelajar dalam pencarian dan penggunaan maklumat. Maklumbalas yang diterima adalah menggalakkan dan diharapkan program ini dapat diteruskan bagi mendedahkan pelajar kepada asas-asas literasi maklumat yang dapat diterjemahkan kepada pencarian maklumat yang lebih berkesan pada masa hadapan. Program ini, dapat menjelaskan kepada golongan pelajar kesahihan maklumat di dalam Internet dan strategi pencarian maklumat dengan lebih berkesan, sistematik dan relevan serta peserta dapat kemahiran untuk membuat penilaian terhadap maklumat yang berkualiti. Kefahaman yang diperolehi ini akan dapat membantu para pelajar dalam kebolehan mencari dan memperolehi maklumat dalam apa jua format dan menggunakan maklumat secara aktif dan berterusan.